

MEMPERKASA NILAI KEHARMONIAN MASYARAKAT MAJMUK MADANI BERTERASKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

EMPOWERING THE VALUE OF HARMONY IN A CIVIL PLURALISTIC SOCIETY BASED ON THE QURAN AND SUNNAH

Yasir Ramlee^{1*}

¹ Pensyarah kanan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), yasir.ramlee@ums.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 23 September 2024 | Selepas Pembetulan: 21 Oktober 2024 | Diterima untuk terbit: 22 November 2024

Abstrak

Keharmonian merupakan tunjang kepada kesatuan dan tanpa adanya perpaduan, adalah mustahil sesebuah masyarakat berdaya untuk menapak maju ke hadapan. Kemajmukan masyarakat pula merupakan salah satu cabaran dalam menerapkan nilai keharmonian kerana kepelbagaian identiti dan latar mewujudkan perbezaan yang boleh membawa kepada konflik serta ketegangan. Nilai keharmonian ini sememangnya bergerak seiring dengan pembentukan masyarakat madani. Ketika Rasulullah SAW mula-mula dilantik menjadi utusan Allah, mesej kesejahteraan dan keharmonian merupakan di antara perkara yang baginda tekankan kerana masyarakat tanah Arab pada zaman tersebut terkenal dengan sikap asabiyah. Usaha baginda SAW ini berjaya membuahkan hasil dengan pembentukan negara Islam Madinah yang terdiri daripada pelbagai latar masyarakat. Ini membuktikan bahawa keharmonian boleh diterapkan walaupun adanya perbezaan dan prinsip pembangunan negara Islam Madinah boleh kita jadikan contoh. Justeru, makalah ini bertujuan untuk mengkaji kaedah dan formula bagi memperkasa nilai keharmonian dalam masyarakat majmuk melalui analisis ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW. Berdasarkan kajian, terdapat tiga konsep yang boleh dipraktikkan iaitu *al-ta'āraf*, *al-ta'āwun*, dan *al-tanāsuh*. Ketiga-tiga konsep ini boleh dijadikan kerangka dalam membangunkan program serta aktiviti model insan untuk memperkasa keharmonian dalam pelbagai peringkat institusi dan lapisan masyarakat.

Kata kunci

Keharmonian, Masyarakat majmuk, Madani, Al-Quran, Al-Sunnah.

Abstract

Harmony is the cornerstone of unity, and without cohesion, it is impossible for a society to advance. The diversity within a society is one of the challenges in instilling the value of harmony because varied identities and backgrounds create differences that can lead to conflict and tension. This value of harmony indeed progresses alongside the formation of a civil society. When the Prophet Muhammad (SAW) was first appointed as Allah's messenger, the message of prosperity and harmony was among the aspects he emphasized, because the Arab society of that time was known for its asabiyyah (tribalism). His (SAW) efforts were successful in establishing the Islamic state of Madinah, which consisted of various societal backgrounds. This proves that harmony can be applied despite differences, and the principles of the development of the Islamic state of Madinah

can serve as an example. Therefore, this paper aims to examine methods and formulas to strengthen the value of harmony in a pluralistic society through the analysis of verses from the Qur'an and hadiths of the Prophet Muhammad (SAW). Based on the study, there are three concepts that can be practiced: *al-ta'aruf* (mutual acquaintance), *al-ta'awun* (cooperation), and *al-tanāsuḥ* (mutual advice). These three concepts can be used as a framework for developing programs and activities to enhance harmony at various levels of institutions and society.

Keywords

Harmony, Plural Society, Madani, Al-Quran, Al-Sunnah

1.0 Pendahuluan

Harmoni menurut Kamus Dewan (2016) bermaksud persesuaian tindakan, pendapat, perasaan dan lain-lain. Ia juga boleh membawa erti kemesraan atau keakraban. Apabila kita menyebutkan suatu masyarakat hidup dalam keadaan harmoni, ini bermaksud masyarakatnya hidup dalam situasi mesra kerana wujudnya persesuaian muamalah atau interaksi manusiawi. Keharmonian adalah aspek yang amat penting bagi semua bentuk pertalian hidup sama ada dalam konteks keluarga, tempat kerja, atau masyarakat kerana ia merupakan tonggak kestabilan. Tanpa keharmonian manusia akan hidup dalam kegelisahan dan saling berpecah akibat pertelingkahan yang tidak berkesudahan. Tidak ada mana-mana bentuk perhubungan manusiawi dan institusi boleh berjaya tanpa keharmonian.

Masyarakat majmuk pula adalah sebuah masyarakat yang terdiri dari pelbagai kaum yang mempunyai kebudayaan, agama, bahasa dan adat resam yang tersendiri (Furnivall, 1967). Mengekalkan keharmonian dalam masyarakat yang memiliki pelbagai latar merupakan satu cabaran kerana masing-masing daripada entiti ini ingin mengekalkan identiti walaupun bernaung di bawah sistem politik atau kerajaan yang sama. Semakin banyak ras yang ada dalam masyarakat semakin besar jugalah cabaran untuk mencapai keharmonian dan kesatuan.

Madani dari segi bahasa bererti maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (Kamus Dewan, 2016). Secara umumnya, masyarakat madani merujuk kepada masyarakat yang diurus dengan baik bagi mencapai tujuan pembinaan peradaban bangsa. Para sarjana berbeza pandangan terhadap asal gagasan atau idea masyarakat madani, ada yang berpandangan ia mula digagaskan oleh sarjana Islam seperti al-Farabi, Ibn Mishkawaih, dan Ibn Khaldun (Shuhairimi, et al., 2023). Manakala sebahagian lain pula menyatakan istilah "masyarakat madani" atau "*civil society*" dalam Bahasa Inggerisnya adalah kesan fasa peralihan zaman *Enlightenment* Eropah disusuli pula dengan era kolonial. Pembentukan kerangka "*civil society*" dicirikan dengan skeptisme, individualisme, dan perjuangan menegakkan hak asasi manusia (Beshara, 2012), justeru ia dilihat berdaya untuk memupuk pluralisme dalam masyarakat.

Akan tetapi, jika diamati istilah masyarakat madani sebenarnya memiliki asas dalam Islam kerana kata "madani" itu sendiri merujuk kepada kata "مدن" yang bererti mendirikan sesuatu tempat. Daripada kata ini wujudnya kata "*madīnah*" yang merujuk kepada kota atau kawasan yang dibinakan tembok sebagai perlindungan dan perkataan ini akan dikaitkan dengan pembentukan negara Islam oleh baginda Nabi SAW sebagai sebuah masyarakat yang berperadaban tinggi (Ibn Manzūr, 1994). Terdapat persamaan latar belakang dengan "*civil society*" janaan Eropah dengan "*madīnah al-Nabiy*" iaitu ia

terbit setelah melalui fasa jahiliyah dan untuk memperbaiki keadaan sosial masyarakat. Mungkin kerana gagasan yang sama, istilah ini akhirnya dikongsikan oleh blok Timur dan Barat. Oleh yang demikian, tidak menjadi masalah untuk menggunakan istilah masyarakat madani dalam konteks sebuah negara Islam asalkan kerangkanya bertepatan dengan syarak.

Rashid al-Ghannoushi salah seorang sarjana muslim yang membahaskan berkenaan masyarakat madani tidak menafikan bahawa istilah ini merupakan salah satu cetusan kesan zaman *Enlightenment* dan kolonial. Menurut al-Ghannoushi (1999), apa yang membeza masyarakat madani berdasarkan kerangka Islam dengan naratif Eropah ialah, "*madaniy*" dalam Islam diasaskan berpaksikan kepada keadilan, penggabungan secara rela, nilai kesaksamaan, dan melihat individu sebagai insan sebelum melihatnya dari perspektif lain. Menurut beliau lagi, masyarakat Islam diasaskan atas dasar insan sebagai khalifah Allah di muka bumi yang bertanggungjawab membenters kezaliman dengan segala wasilah dan perbezaan warna kulit serta agama tidak menghalalkan permusuhan atau kezaliman. Hal ini adalah berdasarkan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ
لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu penegak (kebenaran) kerana Allah (dan) saksi-saksi (yang bertindak) dengan adil. Janganlah kebencianmu terhadap suatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlakulah adil kerana (adil) itu lebih dekat pada takwa. Bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan"

Surah Al-Mā'idah (5): 6

Tuntasnya, mewujudkan suatu masyarakat bertamadun yang maju dari aspek fizikal dan kukuh dari aspek rohani perlu bermula dengan hubungan yang mampan setiap anggota sebagai teras. Sebahagian masyarakat dunia pada hari ini setelah berlalunya era kolonial terbentuk dari pelbagai latar dilihat berupaya menimbulkan sangketa dan permusuhan. Mengambil wahyu sebagai prinsip untuk mengekalkan keharmonian masyarakat majmuk merupakan suatu yang penting sebagai asas kukuh kerana Nabi SAW telah terbukti berjaya menjadikan Madinah sebagai negara yang memiliki masyarakat bertamadun dan bertujuan mengelakkan naratif "*civil society*" ala Barat menjadi acuan masyarakat kita.

2.0 Pemerkasaan Nilai Keharmonian Berdasarkan Al-Quran Dan Al-Sunnah

Islam sebagai suatu cara hidup amat menitikberatkan keharmonian dan kesejahteraan, serta anti kepada kefasadan. Bukti mudahnya adalah dengan melihat bagaimana agama ini mendidik manusia ketika bermuamalah sesama insan, ketika bersua muka atau hendak memulakan ucapan perkataan hendaklah dimulakan dengan memberi salam. Perkataan salam dalam Bahasa Arab bermaksud sejahtera yang membawa mesej keharmonian. Tidak sekadar mengandungi sapaan mesra, salam juga merupakan doa kepada orang yang diajak bicara dan perlu dijawab semula dengan doa yang sama atau dengan doa yang lebih baik. Ini adalah salah satu contoh dalam sekian banyak bentuk muamalah yang menggalakkan keharmonian dan mengelakkan terjadinya perpecahan.

Seorang sahabat Nabi SAW bernama Abdullah bin Salam menceritakan, ketika baginda mula-mula sampai ke Madinah sewaktu berhijrah daripada Mekah orang ramai mula berkumpul untuk menemui sosok baginda. Beliau meriwayatkan:

فَجِئْتُ فِي النَّاسِ لِأَنْظُرَ، فَلَمَّا تَبَيَّنْتُ وَجْهَهُ، عَرَفْتُ أَنَّ وَجْهَهُ لَيْسَ بِوَجْهِ كَذَّابٍ، فَكَانَ أَوَّلَ شَيْءٍ سَمِعْتُهُ تَكَلَّمَ بِهِ، أَنْ قَالَ: «يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَفْشُوا السَّلَامَ، وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ، وَصَلُّوا الْأَرْحَامَ، وَصَلُّوا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ، تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ»

Maksudnya: “Kemudian saya datang masuk ke dalam kerumunan manusia untuk melihat, tatkala saya mengamati wajah baginda saya dapati wajahnya bukanlah wajah seorang pendusta. Lalu perkara pertama yang saya dengari daripada apa yang baginda ucapkan adalah: “Wahai umat manusia, sebarkanlah salam, berikanlah makanan, sambungkanlah silaturahmi, dan solatlah di waktu malam saat manusia sedang tidur, nescaya kalian akan masuk ke dalam surga dengan kesejahteraan”.

Ibn Mājah, no 1334

Menariknya, seruan “wahai manusia” itu dinyatakan secara umum dan baginda SAW tidak mengkhususkannya kepada orang beriman sahaja. Ini kerana masyarakat di Madinah pada ketika itu turut dihuni oleh ahli kitab yang terdiri daripada Yahudi dan Nasrani serta pelbagai kaum lainnya, berbeza dengan penduduk Kota Mekah yang rata-ratanya terdiri dari Arab Quraish. Strategi pendekatan dakwah Nabi SAW ini dilihat mencakupi buat semua masyarakat yang memiliki latar yang berbeza agar dapat membentuk kesatuan dan keharmonian. Hasilnya, dakwah baginda telah berjaya mengubah seluruh aspek kehidupan masyarakat Arab Jahiliyah bukan sahaja dari aspek kepercayaan akan tetapi turut meliputi aspek nilai-nilai kemanusiaan (Mohd Mustaffa, 2020).

Wajah keharmonian Islam tidak akan dapat dizahirkan sama sekali melainkan adanya dua unsur yang dipenuhi. Pertama, agama mestilah dipandang sebagai sesuatu yang menyeluruh dari segenap aspek atau diistilahkan sebagai *syumul*. Kedua, agama mestilah diamalkan dengan cara yang benar daripada sumber yang berautoriti. Mengenenpikan salah satu daripada dua unsur ini akan menatijahkan salah faham yang fatal dan interpretasi salah daripada manusia yang jahil.

Islam pada hakikatnya tidak hanya mengatur tatacara beribadah dengan Sang Pencipta tetapi mengatur tatacara bermuamalah sesama manusia dan alam. Apabila berbicara mengenai muamalah, institusinya pelbagai dan keadaannya juga rencam. Ada yang membabitkan institusi kekeluargaan, kejiranan, kemasyarakatan, dan kenegaraan. Interaksi dalam situasi mudarat dan terdesak pula memiliki cara perhubungan tersendiri yang tidak sama dengan keadaan normal. Kesejagatan Islam yang menyentuh semua aspek kehidupan sama ada yang berbentuk duniawi dan ukhrawi serta fizikal dan spiritual dikenali dengan istilah *syumul*.

Islam membentuk kerangka dan panduan hidup berbentuk prinsip yang sesuai pada semua zaman dan tempat. Bagi mendapatkan tasawur Islam yang jelas pula, teks ajaran agama yang terdiri dari sumber al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW perlu ditelaah. Daripada sinilah akan terzhahirnya bahawa Islam sebenarnya menggalakkan keharmonian dan membenci perpecahan. Adalah tidak berasas untuk mengatakan Islam dalam bentuk sebaliknya, iaitu sebagai agama pengganas dan anti kepada keamanan.

Meletakkan Islam sebagai suatu cara hidup bermaksud kandungan ajarannya menjadi panduan dalam kehidupan seharian. Ini menafikan bahawa Islam hanyalah ajaran yang berbentuk retorik teoritikal. Retorik teoritikal di sini bermaksud agama hanya ditonjolkan sebagai indah dan sempurna tanpa dapat diamalkan atau dicontohi di dunia yang nyata.

Namun, memang terdapat sebahagian orang Islam yang tidak mengamalkan ajarannya sendiri kerana kurang penghayatan dan kesedaran. Hasilnya, mereka ini menjadi simbol imej dan liabiliti terhadap Islam. Lebih memburukkan keadaan adanya orang jahil yang melakukan sesuatu atas nama agama tetapi pada hakikatnya bertentangan sama sekali dengan amalan yang diajarkan oleh Nabi SAW. Sebagai contohnya, aktiviti keganasan yang dilakukan atas nama agama sebenarnya sesuatu yang tidak pernah dilakukan sendiri oleh Nabi SAW dan sahabat baginda. Nabi SAW menegaskan prinsip dalam beragama melalui sabdanya:

«مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ»

Maksudnya: “Sesiapa yang melakukan akan suatu amalan yang tidak termasuk dalam urusan (agama) kami, maka ia adalah tertolak”

Muslim, no 1778

Hadis di atas merupakan kaedah penting dalam Islam bahawa ajaran dan pemahaman yang tidak pernah diajarkan oleh baginda SAW sama-sekali tidak akan menjadi agama. Perbuatan mengada-adakan sesuatu kemudian mendakwa itu adalah Islam adalah sesuatu yang batil. Mudaratnya bukan sahaja akan menyebabkan agama hilang keasliannya bahkan mengakibatkan Islam akan dipergunakan oleh kepentingan tertentu individu. Islam itu adalah prinsip yang menaungi manusia dan diikuti bukannya mengikuti serta berubah-ubah berdasarkan kepentingan.

Secara ringkas, Islam yang membawa mesej kesejahteraan dalam kehidupan akan wujud sekiranya ia difahami dengan benar dan dipraktikkan dengan betul. Ilmu dan amalan wajib seiring. Di samping itu, jika kita ingin masyarakat berada dalam keadaan harmoni, pastikan mereka diberikan kefahaman ilmu terlebih dahulu agar adanya kesedaran kemudian barulah kepada penguatkuasaan pematuhan.

3.0 Prinsip-Prinsip Keharmonian Masyarakat Berteraskan Al-Quran Dan Al-Sunnah

Islam adalah saksama dalam menjamin hak manusia untuk hidup di muka bumi berteraskan hukum keadilan syarak. Syarak telah mengharamkan kezaliman terhadap mana-mana individu dan makhluk lain termasuklah penganiayaan kepada binatang atau kelakuan yang boleh merosakkan alam sekitar. Larangan melakukan segala macam bentuk kerosakan ini jelas melalui firman Allah SWT:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ حَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِنَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu membuat kerusakan di muka bumi sesudah (Allah) memperbaikinya dan berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut dan pengharapan. Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik”.

Nabi SAW juga menegah secara khusus mencabul hak orang kafir yang bernaung di bawah kedaulatan Islam dan yang tidak melakukan sebarang kekacuan. Sabda baginda SAW:

«أَلَا مَنْ ظَلَمَ مُعَاهِدًا، أَوْ انْتَقَصَهُ، أَوْ كَلَّفَهُ فَوْقَ طَاقَتِهِ، أَوْ أَخَذَ مِنْهُ شَيْئًا بَعِيرٍ طَيْبٍ نَفْسٍ فَأَنَا حَاجِبُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ»

Maksudnya: “Ketahuilah! Sesiapa yang menzalimi kafir yang memiliki perjanjian damai (dengan Islam), atau mengurangnya (hak) atau membebarkannya melebihi kemampuannya, atau mengambil sesuatu daripadanya tanpa kerelaan jiwa, maka aku akan menjadi lawannya pada hari kiamat”

Abu Dāud, no hadis 3052

Oleh yang demikian, Islam sebagai agama yang menjadi teras menaungi masyarakat majmuk adalah bertepatan sekali. Dalam konteks kita di Malaysia, masyarakat majmuk yang biasanya dimaksudkan adalah masyarakat yang dibentuk daripada kepelbagaian kaum, budaya dan agama yang bernaung di bawah satu entiti pentadbiran negara. Inilah yang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik. Akan tetapi kepelbagaian ini jugalah akan menyebabkan situasi tidak harmoni dan penghalang kepada kesatuan untuk mencapai kemajuan. Hal ini telah terbukti dengan beberapa peristiwa kelam yang berlaku di negara kita dan masih lagi berlaku sedikit sebanyak sehingga hari ini.

Bagi mengukuhkan nilai keharmonian dalam masyarakat majmuk, terdapat tiga prinsip yang diistinbat melalui al-Quran dan al-Sunnah yang boleh kita jadikan panduan iaitu; *al-ta'āruf*, *al-ta'āwun*, dan *al-tanāsuḥ*.

3.1 Al-Ta'āruf (Bersuai Kenal)

Al-ta'aruf secara umumnya bermaksud perkenalan manusia di antara satu dengan lainnya. Perkataan ini berkata tunjang dari kata (عرف) yang bermaksud pengetahuan. Dikatakan, orang yang berta'aruf adalah orang yang memiliki pengetahuan terhadap orang lain dan melalui pengetahuan inilah perselisihan faham dapat dihindari kerana manusia akan mengingkari sesuatu yang dia tidak ketahui (Ibn Fāris, 1979).

Manusia sememangnya sukar untuk menjalin keakraban jika tidak saling mengenali kerana melalui perkenalan kita akan mengetahui persamaan dan perbezaan. Mengetahui persamaan dapat menjadikan manusia bergaul mesra manakala pengetahuan mengenai perbezaan pula akan menyebabkan kita mengetahui batas sensitiviti dan patang larang dalam pergaulan.

Konsep *al-ta'rāuf* dalam Islam adalah luas, ia tidak hanya terpakai kepada sesama muslim tetapi menyeluruh kepada semua tanpa mengira bangsa, suku, latar dan agama. Kesan daripada *al-ta'rāuf* inilah yang menimbulkan rasa ingin membantu dan berbuat ihsan walaupun tiadanya pertalian keluarga. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: “Hai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”

Surah Al-Hujurat (49): 13

Pada ayat di atas, Allah menyatakan manusia diciptakan pelbagai bangsa dan suku agar dapat mengenali satu sama lain. Perbezaan yang Allah ciptakan ini bukannya untuk berbangga kerana akhirnya semua manusia akan kembali kepada satu asal kejadian yang sama iaitu Adam dan Hawa. Satu-satunya yang membezakan kemuliaan antara umat manusia ialah takwa, iaitu orang yang tunduk kepada perintah Allah SWT serta menjauhi segala larangan-Nya. Salah faham manusia tentang kemuliaan yang bersumberkan keturunan, warna kulit, dan bangsa disangkal sama sekali pada ayat ini. Golongan yang berbangga dengan keturunan, bangsa, atau disebabkan kewujudan mereka dalam entiti tertentu memiliki kecenderungan untuk memperlekehkan dan menindas kerana menganggap mereka mempunyai kelebihan yang tidak ada pada selain mereka.

Pada penghujung hayat Rasulullah SAW semasa *khutbah al-wada'* baginda memperingatkan sahabat agar menyangkal sikap berbangga dengan keturunan dan hendaklah bertakwa kepada Allah kerana ia merupakan sumber kemuliaan mutlak. Sabda baginda SAW:

«يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ! أَلَا لَا فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَىٰ عَجَمِيٍّ وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَىٰ عَرَبِيٍّ وَلَا لَأَحْمَرَ عَلَىٰ أَسْوَدَ وَلَا لَأَسْوَدَ عَلَىٰ أَحْمَرَ إِلَّا بِالتَّقْوَىٰ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُمْ»

Maksudnya: “Wahai manusia! Sesungguhnya Tuhanmu adalah satu, ketahuilah tiada kemuliaan bagi orang Arab ke atas orang bukan Arab, dan tiada kemuliaan orang bukan Arab ke atas Arab, dan tiada kemuliaan orang yang berkulit putih ke atas orang yang berkulit hitam, dan tiada kemuliaan orang yang berkulit hitam ke atas orang yang berkulit putih kecuali dengan takwa, sesungguhnya yang paling mulia dalam kalangan kamu ialah yang paling bertakwa”.

Al-Baihaqī, no 3052

Disebabkan inilah Islam dapat diterima oleh semua kaum dan bangsa tanpa mengenal kedudukan. Buktinya sejumlah sahabat Nabi SAW adalah bukan Arab dan berasal dari luar Hijaz, di antaranya adalah Mābih bin Būzakhshān atau dikenali dengan nama Salman al-Fārisi kerana berasal dari Parsi (Ibn Al-Athīr, 1994), Suhaib bin Sinān al-Rumī yang asalnya merupakan hamba daripada Rom kemudian dibebaskan oleh Abdullah bin Jud'an, 'Addās maula Shaibah bin Rabī'ah yang asalnya beragama Kristian dari Ninawā dan Abu Maimun Jābān yang berasal dari Akrad. Manakala di kalangan wanita pula, Barakah binti Tha'labah atau turut dikenali dengan panggilan Ummu Aiman

yang berasal dari Habasyah, Sīrīn binti Sham'un saudari perempuan kepada Umm al-mukminin Mariyyah binti Sham'un al-Qibtiyah yang berasal daripada bumi Mesir.

Islam tidak memandang keturunan mahu pun golongan tertentu sebagai pengiktirafan kepada sebuah kemuliaan tetapi Islam menilai usaha manusia memilih jalan kebaikan. Maka sesiapa yang menginginkan kemuliaan dia sendiri perlu berusaha ke arah ketakwaan dan melazimi akhlak yang mulia. Jika kemuliaan diletak pada kaum dan bangsa nescaya manusia tidak akan menjadi soleh kerana ia adalah kedudukan yang telah ditakdirkan dan mereka selama-lamanya tidak dapat berusaha memperbaiki diri.

Apabila menyebutkan mengenai keharmonian, ia tidak bermakna semua anggota dalam sesuatu masyarakat itu perlu memiliki ideologi yang sama. Sedangkan perbezaan manhaj hidup boleh sahaja terjadi pada satu kaum atau keluarga yang memiliki usul yang sama, apatahlah lagi skop masyarakat yang lebih luas. Keharmonian menerusi konsep *al-ta'aruf* ini juga sebenarnya dapat mencetuskan persefahaman bersama (*mutual understanding*) iaitu ketika dua pihak atau lebih dapat memahami kerangka fikir dan manhaj hidup antara satu sama lain. Persefahaman bersama dapat dipupuk melalui interaksi terbuka iaitu saling memberi ruang untuk semua pihak memberikan pencerahan dan mendengarkannya dengan empati. Hal ini membolehkan berlakunya hubungan emosi yang matang terhadap pihak lain walaupun tidak berlakunya kesepakatan bersama.

Galakan al-Quran serta sunnah Nabi SAW agar umat manusia saling berta'aruf menunjukkan keanjalan dan toleransi ajaran Islam dalam meraikan hubungan manusia dan kepelbagaian latar mereka. Disebabkan inilah Islam mampu bertahan dan meraih populariti pada era permulaan dakwah (Usman, Abdullah, & Azwa, 2023). Akan tetapi, ini sama sekali tidak bermaksud Islam kendur dengan prinsip kerana meraikan kepelbagaian, akan tetapi toleransi di sini bermakna mengiktiraf kewujudan dan tidak menzalimi hak yang sepatutnya diberikan.

Islam mengajarkan kita untuk tetap berpegang dengan kebenaran tanpa berbasa-basi walaupun dalam meraikan perselisihan. Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan firman Allah SWT di dalam al-Quran terhadap anak yang memilik ibu bapa yang tidak beragama Islam:

وَأِنْ جَاهِدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya: “Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan dengan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu taati keduanya, dan pergaulilah keduanya di dunia dengan baik, dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada-Ku, kemudian hanya kepada-Kulah kembalimu, maka Kuberitakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan”

Surah Luqmān (31): 15

Pada ayat di atas, Allah SWT melarang sekeras-kerasnya untuk mentaati desakan ibu bapa yang menyuruh si anak berbuat kesyirikan. Ini jelas menunjukkan ketaatan dalam perkara yang salah atau membabitkan dosa tidak termasuk ihsan sama sekali dalam perhubungan kerana prinsip tidak boleh dikorbankan untuk menjaga hati dan perasaan. Sekali pun demikian, Allah tetap menyuruh si anak untuk sentiasa

melazimi orang tuanya dengan cara yang baik dan mengingatkan kita sekali lagi agar sentiasa berpegang teguh mengikuti jalan kebenaran.

Daripada ayat di atas juga, dapat diistinbatkan bahawasanya kita tidak boleh mengadaikan prinsip kebenaran bagi mengekalkan hubungan sesama insan. *Al-ta'rauf* tidak bertujuan untuk mewujudkan persamaan dari segenap segi tetapi untuk mewujudkan keharmonian melalui pergaulan yang baik walaupun masing-masing berada pada pegangan yang berbeza.

3.2 *Al-Ta'āwun* (Saling Membantu)

Konsep saling bantu-membantu sesama insan ini disebut sebagai *al-ta'awun* dalam Islam yang berasal dari kata (تَعَاوَنَ). *Al-Ta'āwun* tidak difahami sebagai amalan yang akan ditimbal balas dari segi material kerana sesuatu perbuatan yang diberikan imbalan dinamakan upah (pekerjaan) dan bukannya bantuan. *Al-Ta'āwun* adalah pertolongan yang diberikan atas dasar ihsan dan kasih sayang, sama ada berbentuk tenaga, wang, atau pun masa. Uniknya, Islam meletakkan *al-Ta'āwun* ini mestilah berdiri di atas dasar memperkukuhkan kebaikan dan membenters yang mungkar berdasarkan firman SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَأَتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksud: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan takwa dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya”

Surah Al-Mā'idah (5): 2

Pada ayat di atas, Allah memerintahkan kita agar bertolong bantu untuk kebaikan dan ketakwaan. Kebaikan yang dimaksudkan adalah apa sahaja yang Allah SWT redai dan cintai, sama ada amalan berbentuk zahir atau pun batin, berupa hak kepada Allah atau makhluk-Nya. Takwa pada ayat ini pula adalah sesuatu yang ditinggalkan kerana Allah SWT dan rasul-Nya tidak menyukainya, sama ada berupa amalan zahir atau pun batin. Dalam masa yang sama Allah menegah manusia bertolong-tolongan untuk mengerjakan dosa dan permusuhan. Iaitu menolong orang mengerjakan sesuatu yang menyebabkan pelakunya terjerumus dalam dosa dan membantu dalam usaha permusuhan sesama makhluk sama ada membabitkan pertumpahan darah, kemusnahan atau rampasan harta, serta mencabuli kehormatan orang lain (Al-Sa'di: 2000).

Konsep *al-ta'āwun* dalam Islam melangkaui sempadan perkauman dan bangsa. Apa jua pertolongan dalam kerangka takwa dan kebaikan adalah diperintahkan, apa jua bantuan yang dapat menyuburkan dosa dan permusuhan adalah diharamkan sama sekali. Dalam konteks bertolong bantu atas dasar kebaikan, ia dapat mengeratkan ikatan kasih sayang sesama insan di mana yang kuat akan membantu yang lemah, yang kaya membantu yang miskin, dan yang berilmu akan mengajarkan yang jahil. Ini seterusnya akan menyuburkan budaya berkebakjikan dan kebertanggungjawaban sosial (*social accountability*) dalam masyarakat.

Prinsip *al-ta'āwun* dalam mencegah kemungkaran dan permusuhan jika dapat dipraktik dengan betul turut menyuburkan keharmonian dalam masyarakat dan merobohkan semangat asobiyah yang membenak dalam diri seseorang. Ia berupaya mewujudkan kebersamaan dan semangat persaudaraan berdasarkan nilai ketuhanan yang dapat melindungi hak individu dan mencegah daripada berlakunya kezaliman tanpa

mengira bangsa atau pun kaum. Masing-masing akan berperanan dalam menegakkan kebenaran dan membasmi penindasan.

Anas RA meriwayatkan, Nabi SAW bersada:

«أَنْصُرْ أَحَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا. فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنْصُرُهُ إِذَا كَانَ مَظْلُومًا، أَفَرَأَيْتَ إِذَا كَانَ ظَالِمًا، كَيْفَ أَنْصُرُهُ؟ قَالَ: تَحْجُرُهُ - أَوْ تَمْنَعُهُ - مِنَ الظُّلْمِ؛ فَإِنَّ ذَلِكَ نَصْرُهُ»

Maksudnya: *“Tolonglah saudaramu yang berbuat zalim dan yang dizalimi”* Lalu ada seorang lelaki berkata: *“Ya Rasulullah, saya akan menolongnya jika dia dizalimi. Bagaimana pandanganmu jika dia berbuat zalim, bagaimana aku hendak menolongnya? Baginda menjawab: “Engkau mencegahnya – atau menghalangnya – dari berbuat zalim, maka sesungguhnya itulah menolongnya”.*

Al-Bukhārī, no hadis 2444

Pertanyaan lelaki tersebut kepada Rasulullah SAW sebenarnya tidak menjadi sesuatu yang ganjil kerana memberikan pertolongan kepada yang zalim pastinya akan menambah kerosakan dan beban kepada yang tertindas. Akan tetapi Nabi SAW sebenarnya ingin membetulkan konsep *al-ta’au*n yang disalah fahami oleh sebahagian masyarakat semasa era jahiliyah yang menolong individu kaum sendiri tanpa mengira betul atau salah perilakunya. Baginda menyatakan, sebenarnya si zalim juga perlu sama-sama dibantu dengan cara menghalangnya daripada meneruskan perbuatannya agar dia dan yang dizalimi sama-sama tidak ditimpa mudarat di kemudian hari.

Konsep “menolong” kaum sendiri tanpa mengira benar salah perlakuannya adalah sangat berbahaya kerana ia boleh merosakan keharmonian dan mengugat kestabilan masyarakat. Amalan sebegini akan menyuburkan semangat asobiyah dan dendam kesumat dalam jiwa manusia. Oleh yang demikian, Islam sama sekali membenters bertolong bantu atas dasar perkauman dan membina konsep *al-ta’au*n berdasarkan keadilan.

Suatu kejadian pernah berlaku di zaman Rasulullah SAW di mana seorang wanita telah mencuri semasa peperangan pembukaan Kota Mekah. Kaum kerabat wanita tersebut berasa cemas sehingga meminta Usamah bin Zaid untuk bercakap dengan Rasulullah SAW agar dia diberikan syafaat dan tidak dikenakan hukuman potong tangan. Mereka sebenarnya menggunakan perantaraan Zaid kerana mengetahui kedudukan beliau yang begitu rapat di sisi baginda. Atas ihsan Usamah RA, beliau pun bersetuju untuk menemui Nabi SAW. Ketika Usamah RA mengajukan hal ini, wajah Rasulullah SAW berubah kerana marah akan perbuatannya. Aisyah RA meriwayatkan respon baginda SAW terhadap permintaan Usamah ini, katanya:

«تُكَلِّمُنِي فِي حَدِّ مِنْ حُدُودِ اللَّهِ؟!» قَالَ أُسَامَةُ: اسْتَغْفِرُ لِي يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَلَمَّا كَانَ الْعِشِيِّ قَامَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ حَاطِبِيًّا، فَأَتَيْتُ عَلَى اللَّهِ بِمَا هُوَ أَهْلُهُ، ثُمَّ قَالَ: «أَمَا بَعْدُ؛ فَإِنَّمَا أَهْلَكَ النَّاسَ قَبْلَكُمْ: أَنَّهُمْ كَانُوا إِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الشَّرِيفُ تَرَكُوهُ، وَإِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الضَّعِيفُ أَقَامُوا عَلَيْهِ الْحَدَّ، وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ، لَقَطَعْتُ يَدَهَا». ثُمَّ أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِنَتِكَ الْمَرْأَةَ، فَقَطَعْتُ يَدَهَا، فَحَسُنْتَ تَوْبَتُهَا بَعْدَ ذَلِكَ وَتَزَوَّجَتْ. قَالَتْ عَائِشَةُ: فَكَانَتْ تَأْتِي بَعْدَ ذَلِكَ فَأَرْفَعُ حَاجَتَهَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: “Engkau berbicara denganku soal (hukuman) hudud daripada hudud-hudud Allah?!” Usamah berkata: “Mohonlah keampunan buatku wahai Rasulullah”. Ketika menjelang senja Rasulullah SAW berdiri menyampaikan khutbah, lalu baginda memuji Allah dengan yang selayak dengan-Nya kemudian bersabda: “*Amma ba’d; sesungguhnya telah binasa manusia sebelum kamu (kerana) mereka itu jika ada yang mencuri di kalangan mereka golongan kenamaan mereka membiarkannya. Akan tetapi jika ada yang mencuri di kalangan mereka golongan yang lemah, mereka melaksanakan hudud ke atasnya. Demi yang jiwa Muhammad berada di tangan-Nya, sekiranya Fatimah bin Muhammad itu mencuri nescaya akulah yang memotong tangannya*” Kata Aisyah RA: “Rasulullah SAW kemudian menyuruh agar dilaksanakan hukuman terhadap wanita tersebut, maka dipotonglah tangannya. Wanita tersebut menjadi insan yang baik taubatnya setelah itu dan bernikah. Aisyah RA berkata: “Wanita tersebut datang setelah itu dan aku mengajukan hajatnya kepada Rasulullah SAW”.

Al-Bukhārī, no 4304

Kejadian yang berlaku ini menjadi bukti nyata bahawa keadilan dalam Islam terpakai kepada semua pihak tanpa mengira kedudukan mahu pun keturunan. Nabi SAW mempertegaskan bahawa tidak boleh bertolong bantu dalam perkara mungkar dan dalam situasi ini, menolong seseorang daripada terlepas hukuman apabila telah sabit kesalahan adalah termasuk dalam kesalahan. Keadilan sosial yang dilaksanakan dengan saksama akan memberikan kesan baik bukan sahaja kepada orang awam tetapi turut mengislahkan orang yang telah berbuat kesalahan. Sebaliknya melindungi pesalah atas dasar bertolong-bantu akan menatijahkan kehancuran nilai moral dan mewujudkan huru-hara dalam masyarakat.

3.3 *Al-Tanāṣuḥ* (Saling menasihati)

Al-Tanāṣuḥ bermaksud saling nasihat-menasihati antara satu sama lain. Ia berasal dari kata (تَنَاصَحَ) yang bertunjang dari kata (نَصَحَ). Perkataan (نَصَحَ) sendiri membawa makna suci dan murni dalam Bahasa Arab. Maknanya, orang yang hendak memberikan nasihat perlulah menggunakan perkataan terpilih yang baik dan memiliki niat yang murni dalam tindak tanduknya. Tidak dinamakan sebagai memberi nasihat sekiranya perkataan nista atau perbuatan zalim digunakan terhadap orang yang diberikan nasihat. Tindakan yang salah dalam memberikan nasihat akan menatijahkan rintangan dalam menerima teguran kerana akan terbit rasa kehinaan dan rendah diri. Oleh sebab itu ada sebahagian yang menerima nasihat bukan semakin membaik tetapi sebaliknya semakin menjauh dan menyimpang. Justeru, Al-Jurjānī (1983) mentakrifkan nasihat sebagai seruan kepada sesuatu yang padanya terdapat kebaikan dan larangan daripada sesuatu yang padanya terdapat kerosakan.

Nasihat ini memiliki kedudukan yang tinggi dalam agama kerana ia dapat menyedarkan seseorang agar kembali ke pangkal jalan dan mengingatkannya untuk tidak lagi melakukan kefasadan. Kosep al-tanasuh mestilah didasari oleh seruan ke arah kebaikan dan larangan berbuat kemungkar. Maka tidak hairanlah Islam menjadikan nasihat sebagai teras dalam beragama kerana ia mencakupkan keperluan manusia untuk kekal istiqomah di jalan yang lurus dalam kehidupan dunia dan alam akhirat kelak.

Tamim bin Aus al-Dari meriwayatkan, Nabi SAW bersabda:

«الدِّينُ النَّصِيحَةُ» قلنا: لِمَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قال: «لِلَّهِ، وَلِكِتَابِهِ، وَلِرَسُولِهِ، وَلِأُمَّةِ الْمُسْلِمِينَ، وَعَاقِبَتِهِمْ»

Maksudnya: “*Agama itu adalah nasihat*”. Kami berkata: “Untuk siapa wahai Rasulullah?” Baginda menjawab: “*Untuk Allah, kitab-Nya, rasul-Nya, pemimpin kaum muslimin, dan orang awam mereka*”

Muslim, no 95

Nasihat untuk Allah, rasul-Nya dan kitab-Nya bukan bermaksud kita menyampaikan nasihat tetapi nasihat di sini adalah dari segi bahasa. Iaitu kita mensucikan Allah dari kesyirikan, kitab-Nya dari sebarang penyelewangan, dan ajar rasul-Nya dari sebarang pendustaan. Pada masa yang sama nasihat di sini juga bermakna kita beriman dengan sebenar-benar iman terhadap Allah, kitab-Nya, dan rasul-Nya. Nasihat terhadap pemimpin dan orang awam pula adalah nasihat sebagai mana yang kita fahami iaitu memberi petunjuk dan peringatan terhadap sesuatu kebenaran atau kesalahan.

Orang bukan Islam termasuk dalam golongan yang perlu menerima dan diberikan nasihat. Mengecualikan mereka dalam hal ini merupakan tindakan sumbang dan akan mengganggu gugat keharmonian. Tidak ada manusia yang hidup tanpa pernah berbuat salah apa-apa dan yang salah pastinya memerlukan islah dalam bentuk nasihat. Memberikan nasihat hanya kaum muslimin sahaja seolah-olah mengizinkan orang bukan Islam berbuat sewenang-wenangnya dan dalam masa yang sama menjumudkan usaha dakwah kepada mereka.

Mahmud Syaltut (2004) dalam tafsirnya menyebutkan, melaksanakan pembaikan (*al-islah*) di kalangan manusia merupakan tunjang terbesar kesejahteraan dan keamanan serta ia merupakan di antara asas jelas untuk bertolong bantu atas dasar kebaikan dan takwa. Secara umumnya sedekah umpama kemanfaatan material, amar makruf umpama kemanfaatan ruh, dan melaksanakan al-islah umpama menolak kejahatan individu dan maysarakat. Maka janganlah sesekali kita terlepas untuk melihat kepada penyebutan al-islah di antara manusia secara umum ini dengan tema manusiawi. Islam, berkenaan hal ini tidak membezakan di antara kafir dan mukmin seperti mana Islam tidak memandang ia dari sudut agama, bangsa, atau negara kerana kesemua sekali di sisi Allah adalah manusiawi dan hak mereka sama. Oleh sebab itu, sama ada negara yang saling berperang, kabilah yang pelbagai, parti yang bermacam-macam, kumpulan yang saling bersaing, atau individu yang saling bertelagah, Allah menuntut agar kesemua mereka dilaksanakan al-islah dan Dia melihatnya sebagai kebaikan yang sangat besar.

Nasihat adalah salah satu metode pendidikan berbentuk komunikasi verbal dan merupakan langkah penting yang tidak boleh diabaikan sebelum memberikan hukuman kerana kadang-kala kesalahan terjadi berpunca daripada kejahilan. Jika perkara yang benar daripada mulanya tidak disampaikan, maka ia akan menyebabkan si jahil tadi tetap melakukannya berulang-kali. Maka nasihat di sini berperanan untuk mendidik dan memberikan petunjuk ke arah yang benar. Akan tetapi pada masa yang sama, tidak kita nafikan semangannya ada manusia yang melakukan kesalahan bukan kerana tidak berilmu tetapi kerana menuruti nafsu dan amarah.

Islam menganjurkan cara yang baik dan praktikal jika seseorang hendak memberikan nasihat. Ia mestilah tidak bersifat mempermalukan, merendah-rendah, dan menggunakan kata nista atau kesat. Nasihat dalam Islam meraikan emosi orang yang menerima teguran, atas semangat persaudaraan. Firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ يَأْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: “Serulah (*manusia*) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan peringatan yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk”


Surah Al-Nahl (16): 3

Pada ayat di atas, setiap kaedah seruan kepada jalan kebenaran dipadankan dengan sifat memuliakan orang yang menerima seruan. Pada peringat permulaan, Allah memerintahkan agar seruan yang dibuat mestilah bersifat hikmah dan disusuli dengan peringatan yang bersifat baik. Apabila situasi bertukar daripada berbentuk ajakan bertukar kepada perdebatan, Allah memerintahkan agar ia dilaksanakan dengan sifat yang lebih baik.

Oleh kerana setiap individu *mad'u* adalah berbeza maka pendekatan dalam menyampaikan juga adalah berbeza. Signifikan latar berpezaan *mad'u* ini dapat diistinbatkan melalui pemahaman kita pada ayat di atas. Seruan dengan hikmah ditujukan kepada orang awam yang perlu diberikan petunjuk agar mengetahui yang benar dan yang salah. Peringatan pula ditujukan kepada orang yang memiliki ilmu yang tetapi berada pada jalan yang salah. Golongan ini perlu diberikan peringatan agar kembali ke pangkal jalan. Manakala perdebatan adalah sesuai bagi orang yang telah memiliki pengetahuan terhadap sesuatu perkara dan bertindak mempertahankan keyakinan yang dia miliki. Kelompok ini merupakan *mad'u* yang paling sukar dalam menerima mesej dakwah. Oleh itu, Allah SWT memerintahkan perdebatan dibuat dengan cara yang lebih baik untuk memenangkan emosi dan meyakinkan intelek golongan ini kerana kebatilan telah membenak dalam diri mereka (Al-Ṭantāwī, 1998).

4.0 Hubungkait *Al-Ta'āruf*, *Al-Ta'āun* dan *Al-Tanāsuḥ*

Kewujudan ketiga-tiga konsep ini merupakan salah satu indikator bahawa sesuatu masyarakat itu memiliki sikap prihatin terhadap persekitaran serta memiliki daya untuk mewujudkan keharmonian dalam perbezaan latar agama, bangsa dan budaya. *Al-ta'aruf*, *al-ta'aun al-tanāsuḥ* memiliki perkaitan langsung dan menjadi pelengkap kepada satu sama lain. Dalam erti kata lain menggugurkan salah satu daripada ketiganya akan menyebabkan yang lain tidak akan berjalan dengan sempurna, seperti mana yang disebutkan sebelum ini Islam merupakan cara hidup yang perlu diambil secara keseluruhan.



Al-ta'āruf merupakan pemangkin kepada persefahaman dan pengiktirafan terhadap kepelbagaian yang wujud dalam sesuatu masyarakat atau komuniti. *Al-ta'āun* pula berfungsi sebagai instrumen untuk mengukuhkan kesatuan institusi masyarakat. Manakala *al-tanāṣuḥ* berperanan sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap sesuatu situasi yang berlaku dalam komuniti. Bersuai kenal mencetuskan keakraban, keakraban pula menimbulkan rasa ingin membantu, dan kerana ingin membantulah suatu masyarakat saling nasihat-menasihati. Kitaran ini dapat memperkasakan nilai keharmonian dan pada masa yang sama konflik akibat dari ketegangan anggota masyarakat boleh diminimumkan.

5.0 Kesimpulan

Setelah berlalunya zaman kolonial dunia secara tidak langsung membentuk populasi yang terdiri dari latar yang berbeza dan mengekalkan keharmonian dalam masyarakat merupakan suatu usaha yang sangat mencabar. Kerangka Islam dalam pembentukan sebuah negara madani haruslah dicontohi kerana memiliki dasar yang kukuh dan telah terbukti berjaya melalui sirah Nabi SAW dalam pentadbiran negara pasca hijrah. Pembangunan aktiviti dan penerapan kefahaman konsep *al-ta'āruf*, *al-ta'āun* *al-tanāṣuḥ* dilihat mampu untuk memperkasakan nilai keharmonian ke arah pembentukan masyarakat madani. Di samping itu, kerjasama semua pihak yang terdiri dari pemimpin dan anggota masyarakat adalah mustahak bagi memastikan keharmonian terpelihara. Menjana dasar dan program pengukuhan nilai keharmonian juga perlulah berterusan agar masyarakat mencapai taraf madani yang sebenar.

6.0 Rujukan

- Abu Dāud, S. A. (1999). *Sunan Abī Dāud*. Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tauzī'.
 Al-Bukhārī, M.I. (2002). *Ṣaḥīḥ. al-Bukharī*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
 Al-Ghannoushi, R. (1999). *Muqārabāt fi al-'Ilmāniyyah wa al-Mujtama' al-Madaniy*.
 Maghribi: Maghrib Center for Research and Translation.
 Al-Jurjānī, A.M. (1983). *Al-Ta'rifat*. Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
 Al-Qazwīnī, Ibn Fāris, M. (1979). *Maqāyīs al-Lughah*. Mesir: Dār al-Fikr.

- Al-Sa'di, A.N. (2001). *Taisir Al-Karim Al-Rahman fi Tafsir Al-Kalam Al-Mannan*. Riyadh: Maktabah Al-'Ubikan.
- Al-Tantawi, M.S. (1998). *Al-Wasf*. Kaherah: Dar Nahdah Misr li Tab'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Beshara, A. (2012). *Al-Mujtama' al-Madaniy Dirasah Naqdiyyah*. Beirut: Arab Center for Research & Policy Studies.
- Furnivall, J. S. (1967). *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ibn al-Athir, A. M. (1994). *Usd al-Ghabah fi Ma'rifah al-Sahabah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Majah, M. Y. (2009). *Sunan Ibn Majah*. Dimascus: Mu'assasah al-Risalah Nashirun.
- Ibn Manzur, M. M. (1994). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Mohd Mustafa, N. N. (2020). Perubahan Tingkah Laku Masyarakat Arab Jahiliyyah Kepada Tingkah Laku Beragama: Changes in Arab Jahiliyyah Society's Behavior to Religious Behavior. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 16–25. Retrieved from <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/29>.
- Muslim, H. (1991). *Shahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Shuhairimi, A., Noor, S., Tungku Salha, T. A., Nurul, N. R., Siti, N. A. B., Adi, A. A., Abdul, J. R., (2023). Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian, *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa, Budaya Dan Nusantara* (pp. 239-249). Thailand: Thaksin University, Songkhla.
- Syaltut, M. (2004). *Tafsir al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Usman, A. H., Abdullah, M. F. R., & Azwar, A. (2023). Does Islam tolerate other religions? A Quranic Perspective. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(1), 1003-1013.